

18.12.2020

KENYATAAN MEDIA
oleh **DATO' IR. JASENI MAIDINSA**
CEO, PBAPP dan PBA Holdings Bhd.

KEDAH BERHAK UNTUK PAMPASAN ADIL DARI KERAJAAN PERSEKUTUAN UNTUK MEMULIHARA ULU MUDA

- **Pampasan harus dimohon dari Kerajaan Persekutuan, dan bukan Pulau Pinang, kerana Ulu Muda menadah air mentah untuk 3 negeri NCER, dan bukan hanya Pulau Pinang.**

PULAU PINANG, Jumaat, 18.12.2020: Sekiranya Kedah serius untuk memulihara Ulu Muda sebagai kawasan tадahan air wilayah, ia harus memperolehi pampasan yang adil daripada Kerajaan Persekutuan, dan bukan Pulau Pinang.

Rasional utama untuk mendapatkan pampasan Persekutuan adalah adil dan mudah:

- Ulu Muda berfungsi sebagai kawasan tадahan air untuk 3 negeri di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER): Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Pulau Pinang BUKAN satu-satunya negeri yang mengabstrak air mentah dari Sungai Muda yang berasal dari Ulu Muda. 1.77 juta orang yang tinggal di Pulau Pinang BUKAN penerima tunggal air mentah yang datangnya dari Ulu Muda. Secara keseluruhan, 4.2 juta mendapat manfaat dari Ulu Muda, termasuk penduduk yang tinggal di Perlis dan Kedah.

- Perlis, Kedah dan Pulau Pinang menyumbang anggaran RM147.8 bilion kepada KDNK nasional pada tahun 2019 (satu tahun). Adanya sumbangan KDNK yang sihat dari ketiga-tiga negeri, secara berterusan setiap tahun, bergantung pada perkhidmatan bekalan air yang baik di ketiga-tiga negeri.

- Visi Kerajaan Persekutuan untuk NCER didasarkan pada memanfaatkan kekuatan gabungan Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak untuk membangunkan “hab ekonomi dan teknologi bertaraf dunia” (<https://www.ncer.com.my>).

Visi NCER tidak dapat dicapai tanpa keselamatan bekalan air untuk SEMUA negeri di NCER, sekarang dan pada masa depan.

- Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) mengabstrak air mentah dari Sungai Muda di Muka Sauk Lahar Tiang di wilayah Pulau Pinang, di hilir 13 loji rawatan air Kedah dan 4 muka sauk pengairan.

Harap maklum bahawa operasi abstraksi air mentah PBAPP TIDAK menjelaskan bekalan air dan pengairan di bahagian hulu, untuk kepentingan Kedah dan Perlis. Operasi abstraksi air mentah PBAPP juga TIDAK melibatkan kos untuk Kedah.

- Sekiranya PBAPP tidak mengabstrak air mentah dari Sungai Muda di Lahar Tiang, air mentah akan mengalir secara semula jadi ke Selat Melaka.

Sungai Muda adalah sungai yang besar. Menyekat atau mengempang sungai akan mengakibatkan banjir yang akan merosakkan tanah dan harta benda serta menyebabkan penderitaan yang tidak sewajarnya bagi penduduk, termasuk petani di Kedah. Ia juga akan memaksa Pulau Pinang dan PBAPP untuk memfailkan saman terhadap Kedah kerana tindakan menyalahi undang-undang.

- Operator bekalan air di Malaysia membayar Kerajaan Negeri untuk “bayaran pengambilan air mentah”, dan PBAPP membayar Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk faedah ini. Tiada duluan di Malaysia bagi operator bekalan air untuk membayar dua kerajaan negeri untuk pengambilan air mentah dari satu sungai.

Definisi “memulihara Ulu Muda”

Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP secara terbuka menyatakan sokongan kepada Kedah untuk memohon pampasan Persekutuan untuk pemuliharaan Ulu Muda sebagai kawasan tадahan air NCER.



Walau bagaimanapun, kami hanya menyokong tuntutan pampasan Kedah mengikut terma dan syarat berikut untuk pemuliharaan:

- Kedah mesti mewartakan 163,000 hektar hutan hujan di Kompleks Hutan Ulu Muda (Ulu Muda) sebagai hutan simpanan kekal yang diklasifikasikan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 sebagai "hutan tadahan air", selama-lamanya.
- Kedah mesti melarang semua aktiviti pembalakan di Ulu Muda.
- Kedah tidak boleh sekali-kali meluluskan permit untuk melombong, atau membenarkan aktiviti perlombongan atau apa-apa jenis, termasuk perlombongan untuk elemen nadir bumi (REE), di Ulu Muda.
- Kedah secara sah berpegang teguh kepada definisi "pemuliharaan Ulu Muda" iaitu tiada pembalakan, tiada perlombongan, tiada pembangunan tanah dan tiada sebarang aktiviti yang mengancam hutan tadahan air Ulu Muda.
- Kedah hanya membenarkan aktiviti rekreasi dan pelancongan mesra alam di Ulu Muda.

Sekiranya Kedah mendapati terma dan syarat ini dapat diterima, Kerajaan Negeri Kedah boleh bergantung pada sokongan penuh dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP untuk berunding dan memperolehi pampasan Persekutuan untuk pemuliharaan Ulu Muda, untuk kepentingan NCER dan rakyatnya.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh	:	Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah Unit Komunikasi Korporat
Tel	:	04-200 6607
Email	:	syarifah@pba.com.my